

SOALAN NO: 54

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]
TARIKH : SELASA, 28 NOVEMBER 2017
RUJUKAN : L21 [PR-1353-L04156]
SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** terdapat banyak kawasan di Kuala Lumpur terutamanya beberapa di Parlimen Batu baru-baru ini dimeteraikan sebagai kawasan parkir kereta berbayar oleh vendor swasta DBKL. Apakah sebab kawasan-kawasan ini ditukar kepada kawasan parkir kereta berbayar? Bagaimanakah vendor-vendor swasta ini dipilih untuk mengendalikan tempat letak kereta?

117

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, pelaksanaan kutipan bayaran tempat letak kereta bahu jalan di Kuala Lumpur dilaksanakan selaras dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016, perintah ini memberi kuasa kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk mengena kutipan bayaran.

Bagi kawasan Parlimen Batu hanya terdapat satu kawasan baru yang dikenakan bayaran parkir iaitu di Bandar Sri Utara, sebanyak 540 petak parkir yang mula dikenakan bayaran pada 28 Jun 2017.

Kawasan tersebut dikenakan bayaran kerana ianya telah diwartakan sebagai jalan awam yang mana segala kos penyelenggaraan sepenuhnya ditanggung oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di samping bayaran parkir yang dibuat selaras dengan peruntukan undang-undang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelantikan vendor bagi pengurusan tempat letak kereta oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna tempat letak kereta. Hanya sistem yang terbaik dan operator yang benar-benar berpengalaman telah terpilih setelah proses saringan dijalankan oleh DBKL.